

22 NOV 1997

## ABAC SARAN KETUA-KETUA APEC SOKONG LANGKAH TINGKATKAN PASARAN MODAL

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

VANCOUVER, 22 Nov (Bernama) -- Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) menasihati para pemimpin ke Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang akan berkumpul di sini pada Isnin dan Selasa ini bagi persidangan tahunan mereka supaya menerima langkah-langkah yang boleh membantu pasaran modal memudahkan pertumbuhan ekonomi.

ABAC menggariskan langkah-langkah khusus memperkenalkan kawal selia dan ketelusan, membentuk sistem penjelasan dan penyelesaian moden, membangunkan standard dan pendedahan perakaunan yang difahami dan selaras, melebarkan asas pelabur tempatan dan meliberalkan kemasukan asing.

Ia juga mencadangkan bagi penerimaan kerjasama sektor awam bagi memudahkan pembangunan pasaran untuk sekuriti sokongan aset di rantau Asia Pasifik. Laporan yang mengandungi cadangan-cadangan itu diedarkan kepada wartawan di sini pada Jumaat.

Cadangan-cadangan itu adalah antara 10 cadangan baru yang dibuat oleh ABAC bagi forum Apec tahun ini di Kanada. Ketua-ketua negara dari 18 ekonomi Apec termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri sidang kemuncak Apec itu.

ABAC adalah komponen sektor swasta dengan anggota-anggotanya terdiri daripada ketua eksekutif korporat dari 18 ekonomi Apec. Malaysia diwakili oleh pengerusi eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli, pengarah urusan YTL Corporation Tan Sri Francis Yeoh dan ketua pegawai eksekutif Sime Darby Tan Sri Nik Mohamed Yaacob.

Majlis itu mencadangkan kerjasama di kalangan bursa-bursa saham Apec dalam membangunkan peraturan, keperluan penyenaian dan mekanisme pengawasan rapi yang akan meningkatkan keyakinan pelabur dan seterusnya membangunkan pasaran ekuiti di rantau Apec.

Ia juga mencadangkan satu mesyuarat Meja Bulat Bursa-Bursa Apec, dengan pengawal selia dan pegawai-pegawai kewangan dari setiap ekonomi.

Dalam memberikan cadangan selanjutnya mengenai pembangunan pasaran modal, ABAC mencadangkan ekonomi-ekonomi Apec membentuk Persatuan Bursa-bursa Saham Apec (AASE) sebagai rangka kerja bagi menyempurnakan kerjasama, di samping meminta bursa-bursa saham ekonomi terbabit dan pihak berkuasa kawal selia digalakkan untuk memudahkan perdagangan dalam perniagaan kecil dan sederhana.

Mengenai dasar persaingan dan deregulasi, ABAC mencadangkan Apec menimbang pandangan dalam pendekatannya terhadap dasar dan deregulasi persaingan.

Secara khususnya, ABAC menyatakan ia mahu menyediakan input-input ke atas:

- \* Bentuk-bentuk pengendalian sektor swasta yang sepatutnya dilarang bahawa mereka berjalan bertentangan dengan proses kompetitif dan tidak mempunyai ciri-ciri gantian;
- \* Layanan monopoli utiliti dan semula jadi;
- \* Hubungan antara polisi persaingan dan anti lambakan;
- \* Kandungan undang-undang persaingan yang berkesan dan mencukupi; dan
- \* Pengenalan kawal selia utama dan halangan-halangan lain kepada persaingan yang berkesan.

Mengenai isu cukai, ABAC berkata Apec sepatutnya menetapkan matlamat 2010 sebagai tarikh sasaran ketika perjanjian cukai dua hala yang konsisten sepatutnya dihapuskan dan berkuatkuasa di kalangan 153 pasangan ekonomi Apec.

Cadangan terakhir majlis itu adalah untuk meminta Apec mengambil daripada Perjanjian mengenai Pemerolehan Kerajaan (AGP) Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi memuktamadkan prinsip tidak mengikat pemerolehan kerajaan menjelang 1998.

ABAC juga menyemak cadangan-cadangan sebelum ini termasuk Pelan Bertindak Manila bagi Apec (MAPA), yang termasuk isu-isu mengenai mobiliti perniagaan, hak-hak harta intelektual, piawaian dan penyesuaian, pelaksanaan Matlamat Liberalisasi Bogor, pembangunan prasarana dan kerjasama teknikal ekonomi.

Sementara itu, dalam satu sidang akhbar di hari pertama mesyuarat menteri-menteri Apec selama dua hari, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata mesyuarat peringkat menteri telah menyokong cadangan-cadangan ABAC untuk dibentangkan kepada sidang kemuncak ketua-ketua Apec. -- BERNAMA

MFJ SHY ZK OS